



Al-Sultan Abdullah (lima dari kiri) berkenan menandatangani plak Penamaan Kem Al-Sultan Abdullah, Markas Angkatan Bersama pada Selasa. - Foto Bernama

## Agong berkenan rasmi Kem Al-Sultan Abdullah Markas Angkatan Bersama

| | 26 Julai 2022

KUANTAN - Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada Selasa berkenan mencemar duli ke Majlis Perasmian dan Penamaan Kem Al-Sultan Abdullah Markas Angkatan Bersama di Jalan Panching di sini.

Turut berangkat, Pemangku Raja Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah.

Hadir sama, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Affendi Buang, Panglima Tentera Darat Jeneral, Tan Sri Zamrose Mohd Zain dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Muez Abd Aziz.

Sejurus tiba, Seri Paduka Baginda menerima Tabik Hormat Diraja dan memeriksa Kawalan Kehormatan Utama dari Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja terdiri daripada empat pegawai dan 103 anggota diketuai Mejar Mohd Noorazmin Abd Rahim.

Al-Sultan Abdullah kemudiannya telah dipersembahkan dengan gimik acara pelancaran melibatkan gabungan aset dan aksi penerjunan anggota khas dari ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Selain itu, Seri Paduka Baginda turut dipersembahkan taklimat mengenai peranan serta fungsi Markas Angkatan Bersama (MK AB) bertempat di Pusat Operasi Bersama (POB) serta berinteraksi secara sidang video dengan pegawai dan anggota ATM yang sedang melaksanakan tugas Operasi Pasir di Sabah serta bertugas di misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Kem Al-Sultan Abdullah yang dinamakan sempena nama Seri Paduka Baginda telah dirancang pembinaannya sejak 2007 dengan pemilihan di Jalan Panching di sini susulan kedudukan kem dan pangkalan Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara sedia ada di Kuantan sekali gus dapat menyokong pengoperasian MK AB.

Projek pembinaan kem seluas 39.56 hektar ini siap pada 25 April 2019 dan diserahkan kepada MK AB pada 11 Jun 2019 serta majlis pengoperasian telah dilaksanakan pada 1 Julai 2019.

Kem tersebut menempatkan lebih 300 pegawai dan anggota pelbagai peringkat dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan dalam ATM.

MK AB diwujudkan untuk mengendalikan tugas berdasarkan kepada konsep penugasan bersama (Jointness), yang bersifat tiga khidmat (Tri-Service) di dalam ATM, selain berperanan untuk menyelaraskan keperluan dalam operasi dan misi di bawah PBB. – Bernama

Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/213151/BERITA/Nasional/Agong-berkenan-rasmi-Kem-Al-Sultan-Abdullah-Markas-Angkatan-Bersama>

© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangraf